

# Padah tidak pamer harga

**Empat peniaga  
di Pasar Awam  
Rawang  
dikompaun**

NUR FARHANA  
ABDUL MANAN

HULU SELANGOR

**A**kibat enggan mem-pamerkan tanda harga, empat peniaga dikenakan tindakan kompaun dalam operasi

mengejut dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Pasar Awam Rawang di sini semalam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Daerah Hulu Selangor, Ahmad Zamri Che Long berkata, dalam operasi tersebut pihaknya menjalankan periksaan tanda harga dan alat timbang digunakan peniaga di pasar terbabit.

Menurutnya, pihaknya turut menjalankan pemerkosaan di premis yang menjual penutup mulut

dan hidung.

"Hasil pemeriksaan, beberapa peniaga didapati tidak meletakkan tanda harga barang yang dipamerkan untuk jualan.

"Empat peniaga dike-nakan kompaun dengan jumlah keseluruhan RM400 dan kesemua mereka menjehaskannya," katanya.

Beliau berkata, operasi tersebut disertai enam pegawai KPDNHEP Kuala Kubu Bharu dan enam anggota penguatkuasa Majlis Perbandaran Selayang (MPS).



Penguat kuasa KPDNHEP melakukan serbuan mengejut di Pasar Awam Rawang, Selangor semalam.

HARI :	
TARIKH :	22/9/2019
M/SURAT :	19